

Kertas-kertas Yang Berhubung

122/86

Didaftarkan di bawah perkara

Fail : UR(M) 13/02

(2) Perantukan 8/10/87

Diletak oleh Percetakan Perwira untuk JPN (K.L)

PERKARA

^{Kp/2496200}
 DATO MENTERI LEA PERKASA HJ. TACIB BIN HJ. ABDULLAH
 (ORANG BESAR UNDANG) MENINGGAL DUNIA DI KAMPUNG
 TANJONG, KOTA, REMBAU PADA HARI JABTU 22-11-1986
 KERANA SAKIT TUA (MENYANDANG PESAKA 14-3-943)

TARIKH KANDUNGAN PERTAMA		TARIKH KANDUNGAN AKHIR		ARAHAN-ARAHAN PENUTUPAN FAIL (UNTUK KEGUNAAN PENDAFTARAN)	
Dihantar kepada	Tarikh dihantar	Dihantar kepada	Tarikh dihantar	Dihantar kepada	Tarikh dihantar
* FAIL UNTUK PENYANDANG BARU :					(A) TUTUP PADA atau apabila mengandungi 100 lampiran yang mana lebih awal
					(B) KAJIAN PERTAMA 5 TAHUN SELEPAS PENUTUPAN PADA
					(C) DICADANGKAN DIPINDAH/DIMUSNAHKAN: (Potong mana yang tiada berkenaan. Satu senarai hendaklah dibuat untuk persetujuan Arkib Negara Malaysia bagi memusnah atau memindah)
					(D) KAJIAN KEDUA PADA TAHUN
				Dihantar kepada	Tarikh dihantar

Talipon: Pejabat: Rembau-237651647
Balai Kediaman: Rembau 284

Bil: BUR.122/86(2)

Rembau.....25hb.Nov.1986...

Kapada.....

Tuan Pengerusi Daerah,
Pejabat Daerah,
Rembau

Tuan,


Yang Mulia Dato Menteri Lela Perkasa Haji Talib bin Haji
Abdullah KP/2490200 (Orang Besar Undang) Meninggal Dunia
Di Kg. Manjong Kota, Rembau Pada Hari Sabtu 22hb.November,
1986 kerana Sakit Tua.

Khwai, adalah saya disabdakan oleh ke bawah kuasa Yang
Teramat Mulia Dato' Sedia Raja Haji Adnan bin Haji Ma'ah,
DUNS Undang Luak Rembau dengan dukacitanya memaklumkan
iaitu salah seorang Orang Besar Undang yang tersebut di
atas telah meninggal dunia.

2. Beliau yang sebelum ini ialah seorang Kuapak,
kemudiannya menyumbangkan khidmat sebagai seorang Orang
Besar Undang selama lebih 43 tahun.

3. Hal demikianlah dimaklumkan di mana saya disabdakan
seterusnya supaya tuan memanjangkan perkara ini ke
pengumuman pihak kerajaan. Wassalam.

Saya, dengan sabda,


HUSNI BIN KASIM
Setiawsaha Kepada,
Y.T.M. Undang Luak Rembau.

s.l.
Bandarhari Kegeri,
H.Sembilan,
70505
Seremban



٢
بالي اوندغ، لواق رمبرو
نگري سميلن

13.....رمبو

.....كغد

.....٧



Jalil bin Pilus,
 Lot 1373, Kampong Seberang
 Batu Hampar,
 Rembau,
 Negeri Sembilan.

31hb Julai, 1987.

Menghadap Sembah Kasih
 Kebawah Kaus,
 Yang Mulia Dato' Hj. Adnan bin Hj. Ma'ah,
 Balai Dato' Undang,
 Rembau,
NEGERI SEMBILAN.

Kebawah Kaus Yang Mulia,

PERMOHONAN JAWATAN ORANG BESAR UNDANG
DATO' MENTERI LELA PERKASA

Saya datang merapak sembah kasih kebawah Kaus Yang Mulia Undang Dato' Luak Rembau, berserta dengan do'a restu kehadrat Ilahi semoga Kaus Yang Mulia Dato' dipayongi dengan kesihatan, kesejahteraan dan kemuliaan. Saya jua memohon do'a supaya dilanjutnya usia Kaus Yang Mulia Dato'.


Sembah ampun saya pohonkan kepada Kaus Yang Mulia Dato' kerana mengambil masa Kaus Yang Mulia Dato' membaca surat permohonan saya ini, ampun saya Kaus Yang Mulia Dato'. Saya adalah rakyat tulin Rembau, Negeri Sembilan; dan salah seorang anak waris Beduanda Lela Maharaja Chengkau Perut Tengah dan dengan itu saya dengan sukacitanya memohon menjadi seorang calon bagi ahli Jawatan Dato' Menteri, yang kini didapati masih kosong. Saya mengetahui bahawa jawatan ini jatuhnya ke Perut Tengah; dan saya percaya saya layak untuk menceburi diri sebagai seorang calon bagi jawatan ini, dengan kerestuan Kaus Yang Mulia Dato'. Saya sedia menumpukan khidmat sepenuhnya untuk kepentingan rakyat serta masyarakat dibawah liputan pemerintahan Kaus Yang Mulia Dato'.

(2)

Sebelum saya mengakhiri lembaran saya ini, saya memohon ampun dan maaf kepada Kaus Yang Mulia Dato' sekiranya ada perkataan saya yang tidak sesuai dan sempurna bagi pendapat Kaus Yang Mulia Dato'. Sembah salam ta'azim saya hулurkan kepada Kaus Yang Mulia Dato'.

Sekian, harap mendapatkan keampunan dan kemaafan.

Yang menjunjung kasih,
saya yang hina


.....
(JALIL BIN PILUS)

RINGKASAN PERIBADI SENDIRI

JALIL BIN PILUS

Nama : JALIL BIN PILUS.
Umur : 49 TAHUN.
Alamat Kediaman : LOT 1373, KG. SEBERANG BATU HAMPAR, REMBAU.
Pekerjaan : BERNIAGA.
Pekerjaan Sebelum Berniaga : (i) PENGURUS OPERASI PERKAPALAN.
: (ii) MENYANDANG PANGKAT 'OFFICER CADET'
DALAM PASUKAN POLIS SINGAPURA.
Kelulusan : SIJIL 'SENIOR CAMBRIDGE' SEBERANG LAUT
PANGKAT 'GRADE 2'.
Bahasa Yang Bolih Bertutur : (i) FASEH DALAM BAHASA MALAYSIA.
: (ii) FASEH DALAM BAHASA INGGERIS.
: (iii) BAHASA HOKKIEN.
: (iv) BAHASA TAMIL.
Suku Keturunan : BEDUANDA LELA MAHARAJA, PERUT TENGAH CHENGKAU.
Dato' Lembaga : YANG MULIA DATO' PURBA.
Buapak : YANG MULIA HJ. HARUN BIN HJ. JABIL.

.....ooo.....

RINGKASAN PERIBADI ISTERI

ROHANA BTE PILUS

Nama : ROHANA BTE PILUS.
Umur : 44 TAHUN.
Pekerjaan : SURI RUMAH TANGGA.
Kelulusan : LULUS DARJAH VI SEKOLAH MELAYU.
Suku Keturunan : SERI MELENGGANG EMPAT IBU..
Dato' Lembaga : YANG MULIA DATO' MENDELIKA.
Buapak : YANG MULIA PAK IDRUS.

.....ooo.....

HASNAR SHIPPING & CHARTERING SDN. BHD.

..... Tel: 06-472276, 472290 & 472391
TELEX: MA 63808 HASNAR, Cable: HASHIP P. Dickson.

184-D, Jalan Tg. Kemuning
P. O. Box 42
Port Dickson. *FACT*

Our Ref:

Your Ref:


TO WHOM IT MAY CONCERN

I have known Encik JALIL BIN PILUS since early 1977. He was then an Executive in Syarikat Perkapalan MANE Sdn. Berhad, Port Dickson, currently handling Esso and Shell mooring/unmooring services, supply of launches, shipchandlery, fresh water barges and general labour.

He left the company in 1981 to be on full time with his own business. Whilst he was in the company mentioned I have the opportunity to assess his ability from time to time as the nature of work he carried out was inter-related to my actual line of operations as Esso Marine Superintendent and Pilot. This enable me to draw my conclusion that he is concientious, quick in action and easily available at short notice.

In view of his matured approach to any situation his expertise, technical knowhow, sound knowledge and good thinking I have no doubt that he will conduct himself remarkably well in any field.

HASNAR SHIPPING & CHARTERING SDN. BHD.,


(Mustapha bin Md. Ali),

PILOT
CHAIRMAN
EXECUTIVE DIRECTOR.

NAMA CALON-CALON MEMUJUN GELARAN PESAKA DATO' MENTERI

ORANG BESAR UNDANG LUAK REMBAU, PERUT TENGAH WARIS LELA MAHARAJA KG. CHENGKAU UIU

BIL	NAMA	UMOR	BERHISRI/BUJANG	PEKERJAAN	SUKU MENYEMENDA	ALAMAT
1	Hj. Musa bin Inoh	64	Beristori	Berniaga	Beduanda Sedia Raja	Kampung Chengkau Ulu
2	Alias bin Inoh	53	"	Kaya Maharaja	"	"
3	Ibrahim bin Md. Rashid	52	"	Syasta	Tanah Datar	19 Jalan Mangke, Kg. Pasir Tampoi, 81200 Johor Baru
4	Yahya bin Saidon	47	"	Pengawal Keselamatan	Mungkal	U.N.D.P. Blok K.G.K. 10 Jalan Data P.S.12544 K. Lumpur
5	Abn Kasim bin Saidon	40	"	Polis Di Raja Malaysia	Tanah Datar Darat	"
6	Mahat bin Md. Noh	50	"	Pengawal Keselamatan	Batu Hampar Petani	U.N.D.P. Blok. K.G.K. 10 Jalan Data P.S. 12544
7	Jalil bin Pilus	49	"	Pengarah Syarikat	Seri Melenggang Empat Ibu	Lot. 1373 Kampong Seberang Batu Hampar, Rembau
8	Abd Karim bin Ingah	31	"	Polis Di Raja Malaysia	"	Balai Polis Jasin, Melaka
9	Awaludin bin Idris	57	"	Pesara	Tiga Batu Lubok Kepong	Kampong Ulu Gadong, Kota
10	Mansor bin Atin	60	"	Kerja kampong	Tanah Datar	Kampong Tanah Datar, Gadong Kota
11	Anjang bin Rahmat	45	"	Penoroka Felda	Kampong Jawa	No. 89 Felda Sungai Kalamah, Gemas
12	Ayub bin Rahmat	42	"	Penoroka Felda	Beduanda Sedia Raja	No. 49 Felda Sungai Kelamah, Gemas
13	Kordin bin Yaakub	55	"	Kerani Lombong	Tiga Nenek	Batang Berjuntai Tin Ltd. Kg. Lemang ulu, Kota
14	Rashid bin Mohd	53	"	Pesara Tentera	Beduanda Sedia Raja	Kampong Chengkau Ulu Kota
15	Jalani bin Osman	49	"	Pembantu Rumah Sakit	Tanah Datar	Faculty Perubatan UKM
16	Mohd Husin bin Osman	41	"	Pegawai Keb. Masyarakat	Perak	Jabatan Kebajikan Masyarakat Kuala Selangor
17	Ismail bin Osman	47	"	"	Sungai Layang	Kampong Chengkau Ulu Kota
18	Fahari bin Osman	43	"	"	Seri Melenggang Minangkabau	Kampong Seberang Batu Hampar, Rembau
19	Abd Rahman bin Osman	45	"	Juruteknik	Kampong Pandan K/Lumpur	Jabatan Telekom Cheras, Kuala Lumpur
20	Abu Hassan bin Osman	38	"	"	Selangor	Jabatan Telekom Shah Alam, Selangor
21	Mahat bin Osman	35	"	Kerja kampong	"	Kampong Chengkau Kota
22	Ismail bin Hj. Sulaiman	71	"	"	"	Kampong Seri Kendong Kota
23	Yusop bin Hj. Sulaiman	65	"	"	"	Kampong Legong Ulu Kota
24	Zaimudin bin Jaielel	46	"	Pemandu Ambulan	"	Pusat Kesihatan Gemas
25	Abu Hassan bin Mahat	31	"	"	"	Rumah Rakyat Repah Tampin
26	Rashid bin Taha	53	"	Pesara	"	Panggar Flats, Kuala Lumpur

21	Mahat bin Osman	35	"	Kerja kampung	"	Kampung Seri Kendong Kota /
22	Ismail bin Hj. Sulaiman	71	"	"	"	Kampung Legong Ulu Kota /
23	Yusop bin Hj. Sulaiman	65	"	"	"	Pusat Kesihatan Gemas /
24	Zairuddin bin Jalel	46	"	Femandu Ambulan	"	Rumah Bakayat Repah Tampin /
25	Abu Hassan bin Mahat	31	"	"	"	Bangsar Flats, Kuala Lumpur /
26	Rashid bin Taha	53	"	Pesara	"	Kampung Chengkau Ulu Kota /
27	Abd Razak bin Amat	20	Bajang	Kerja kampung	"	30 Batu 5½ Jalan Kota Tinggi, Kg. Pandan J. Bahru 8110013 /
28	Mohaiyat bin Ibrahim	25	"	"	"	26-A Jalan Telawi, Bangsar Baru 59100 Kuala Lumpur /
29	Zulkifly bin Ibrahim	22	"	Pesman	"	Pejabat SIRIM Kuala Lumpur /
30	Mohd Sham bin Hj. Hamzah	28	"	juruteknik Sirim	"	

BIL	NAMA	UMOR	BERISTERI/BUJANG	PEKERJAAN	SUKU MENYEMENDA	ALAMAT
31	Shamsudin bin Hj. Hamzah	25	Bajang	Polis Di Raja. M'sia	-	Balai Polis Simpang Rengam, Johor /
32	Mohd. Admin bin Hj. Hamzah	23	"	Kerja Kampung	-	Kampung Chengkau Ulu Kota /
33	Lt. Muda Mohd Halrudin bin Mahat	22	"	Askar Melayu Diraja	-	3004102 Ranjer Majidee Kem, Johor Bahru /
34	Morizan bin Ahmad	25	"	Kerja Kampung	-	Kampung Chengkau Ulu Kota /
35	Hamzah bin Mohd Isa	25	"	"	-	34 Bukit Balai Islam, Kampung Kerinchi 59200 Kuala Lumpur /

36.

37.

38.

39.

NO.	NAMA	UMUR	BERTAWAR/BUANG	PENCERJAAAN	SIRIL MENYEDUNDA	ALAMAT
31	Shamudin bin Hj. Hamzah	25	Bajang	Polis. JH Raja, M'sia	-	Balai Polis Simpang Renggam, Johor / Kampung Chengkau Ulu Kota /
32	Mohd. Adin bin Hj. Hamzah	23	"	Kerja Kampong	-	3004102 Benjer Majidee Kam, Johor Bahru /
33	Lt. Muda Mohd Hafizudin bin Mahat	22	"	Asker Melayu Diraja	-	Kampung Chengkau Ulu Kota /
34	Mordzan bin Ahmad	25	"	Kerja Kampong	-	34 Bukit Balad Islam, Kampong Kerinchi 59200 Kuala Lumpur /
35	Hamzah bin Mohd Isa	25	"	-	-	

36.

37.

38.

39.

Hj. Harun bin Hj. Jabil (Paduka)

Kg. Chengkau Ulu, Kota.


22hb. June, 1987.

Kepada:

Yang Mulia,

Dato' Perba Abd. Aziz bin Hussin,

25. Rumah Rakyat Kota.



Dato'

Menentukan Giliran Gelaran Orang Besar Undang Luak Rembau Dato'
Menteri Lela Perkasa, Waris Lela Maharaja Kg. Chengkau Ulu.

Dinaklumkan dengan segala hormatnya berkenaan perkara diatas
serta pada 26.4.1987, pada jam pukul 3.00 petang satu kumpulan telah
diadakan di Kubur Tok Raba diantara Perut Tengah, Perut Darat dan Perut
Darat untuk mencari giliran Dato' Menteri yang telah kosong.

Dengan sebulat suara waris waris yang hadir bahwa gelatan
Dato' Menteri jatuh kekosonganya kepada PERUT TENGAH.

Sekian dimaklumkan, Wassalam. Terima kasih.

(Hj. Harun bin Hj. Jabil)

Paduka.

Talipon: Pejabat: Rembau 237
Balai Kediaman: Rembau 284

Bil:

Rembau.....19.....

Kepada.....



بالي اوندغ لواق رمبو
نگري سيلن

رمبو 13.....

كغد.....

6

EUR.60/85, 122/86, 85/84, 124/87.

8/9/1987.

Kepada Calon-Calon:

.....
.....
.....

Tuan,

TEMUDUGA PENYANDANG PESAKA DATO' SHAH BANDAR, DATO' MENTERI
LELA PERKASA, DATO' SINDA MAHARAJA & DATO' MENGEUTA.

Adalah saya disabdakan oleh ke bawah kaus Yang Teramat Mulia Dato' Sedia Raja Haji Adnan bin Haji Ma'ah, DNS Undang Luak Rembau dengan hormatnya memaklumkan iaitu temuduga bagi bakal penyandang pesaka Orang Besar Undang dan Dato' Lembaga yang tersebut di atas akan diadakan pada:

HARI SABTU
26hb. SEPTEMBER, 1987
BERTEMPAT DI PEJABAT BALAI Y.T.H. UNDANG LUAK REMBAU
menurut sepertimana Jadual/Aturcara yang dilampirkan

2. Inilah saya disabdakan seterusnya mempersilakan tuan selaku calon bagi pesaka yang berkenaan supaya menghadiri diri untuk ditemuduga sebelum jam 8.00 pagi pada 26hb. September, 1987 yang tersebut.

3. Perisytiharan lantikannya akan dibuat pada hari Sabtu 3hb. Oktober, 1987 dan lantikan ini berkuatkuasa mulai 1hb. Oktober, 1987.

4. Hal demikianlah dimaklumkan serta disudahi dengan ingatan selamat sejahtera dan berjaya jua, adanya.

Saya, dengan sabda,

DATO' SEDIA RAJA
Haji Adnan bin Haji Ma'ah,
Y.T.H. Undang Luak Rembau.

Talipon: Pejabat: Rembau 237
Balai Kediaman: Rembau 284



بالي اوندغ لسواق رمبو
نگري سيلن

Bil:

Rembau.....19.....

13.....رمبو

Kapada.....

.....كغد

BUR.60/83, 122/86, 85/84, 124/87.

8/9/1987.

Kepada semua Duapak Dan Besar,
Waris Dua Carak Kg.Delapan:

.....
.....

Tuan,

TEMUDUG PEMYNDLNG PESAKA DATO' SMLH BANDAR, DATO' MENTERI
LELA PERKASA, DATO' SINDI MAHARAJA DAN DATO' MENGGUKA.

Adalah saya disabdakan oleh ke bawah kaus Yang Teramat Mulia
Dato' Sedia Raja Haji Aman bin Haji Ma'ah, DMS Undang Luak
Rembau dengan hormatnya memaklumkan iaitu temuduga bagi
pesaka Orang Besar Undang dan Dato' Lembaga yang tersebut di
atas akan diadakan pada:

HARI SABTU
26hb. SEPTEMBER, 1987
BERTEMPAT DI PEJABAT BALAI Y.T.N. UNDANG LUAK REMBAU
menurut sepertimana Jadual/Itircara yang dilampirkan

2. Inilah saya disabdakan seterusnya mempersilakan tuan hadir di Pejabat Balai Undang Rembau sebelum jam 8.15 pagi pada 26hb. September, 1987 yang tersebut.
3. Perisytiharan lantikannya akan dibuat pada hari Sabtu 3hb. Oktober, 1987 dan lantikan ini berkuatkuasa mulai 1hb. Oktober, 1987.
4. Hal demikianlah dimaklumkan serta disudahi dengan ingatan selamat sejahtera jua, adanya.

Saya, dengan sabda,

[Handwritten signature]
Dato' Sedia Raja Haji Aman bin Haji Ma'ah,
DMS, Undang Luak Rembau.

JADUAL UPACARA TEMUDUGA PENYANDANG PESAKA

DATO' SHAH BANDAR

DATO' MENTERI LELA PERKASA

DATO' SINDA MAHARAJA

DATO' MENGGUTA

Di Pejabat Balai
Yang Teramat Mulia Undang Luak Rembau,
Negeri Sembilan.

Pada Hari Sabtu 26hb. September, 1987.

Pukul/Jam

- 8.00 Pagi - Calon-Calon menghadiri diri di
Pejabat Balai.
- 8.15 Pagi - Buapak serta Besar Waris Dua Carak
bagi Kampong Delapan,
mengambil tempat.
- 8.30 Pagi - Yang Mulia Dato' Perba, Orang Besar
Undang dan Dato' -Dato' Lembaga,
mengambil tempat.
- 9.00 Pagi - Kesampaian Yang Teramat Mulia
Dato' Sedia Raja Undang Luak
Rembau.
- 9.15 Pagi - Temuduga dimulakan:
- 9.15 - 10.45 pesaka Dato' Shah Bandar,
10.45- 12.15 pesaka Dato' Menteri
Lela Perkasa,
12.15 - 1.15 pesaka Dato' Sinda Maharaja,
01.15 - 1.30 pesaka Dato' Mengkuta.

Bersurai

Telipon: Pejabat: Rembau 237
Balai Kediaman: Rembau 284



بالي اوندغ لسواق رمبو
نكري سبيلن

Bil:
Rembau.....19.....
Kepada.....
.....

13.....رمبو
.....كفد
.....

BERTEMPAT DI PEJABAT BALAI YANG TERAMAT MULIA UNDANG
LUAK REMBAU, NEGERI SEMBILAN, PADA HARI SABTU
26HB. SEPTEMBER, 1987.

Telah disuratkan suatu
PENGAKUAN DARIPADA CALUN-CALUN PESAKA DATO' MENTERI
LELA PERKASA, ORANG BESAR UNDANG LUAK REMBAU,
seperti berikut:

"Sesungguhnya kami seperti nama yang bersenarai di bawah ini daripada Waris Lela Maharaja, Perut Chengkau, adalah orang-orang yang berhak menyandang pesaka Dato' Menteri Lela Perkasa dan berkebulatan memulangkan pemilihan dan perlantikan ini kepada Yang Teramat Mulia Undang Luak Rembau. Dengan ini kami menurunkan tandatangan pengakuan bahawa kami tidak akan terkilan jika salah seorang di antara kami dilantik oleh Yang Teramat Mulia Undang Dato' menyandang pesaka Orang Besar Undang yang tersebut".

Di hadapan Saksi-Saksi:

1. Dato' Merbangsa Hj. Sharif bin Abas, PJK bagi pihak Tiang Balai Baroh
2. Dato' Mangku Bumi Hj. Baba bin Baki, JP bagi pihak Orang Besar Undang
3. Dato' Raja Diraja Abd. Manaf bin Mustapha, PJK bagi pihak Orang Besar Undang
4. Dato' Perba Abd. Aziz bin Hussin, PJK bagi pihak Lembaga Waris Yang 2 Carak
5. Dato' Raja Senara Hj. Yahya bin Endek, PNC PJK bagi pihak Lima Suku Di baroh
6. Dato' Andika Kasby bin Yaacob bagi pihak Tiang Balai Darat
7. Dato' Sultan Bendahara Hj. M. Yusoff bin

[Handwritten signatures of the seven witnesses listed above]

HJ. ADNAN BIN HJ. MA'AM, Dato'
Undang Luak Rembau,
Negeri Sembilan.

BIL.	NAMA	TANDATANGAN PENGAKUAN
1.	HJ. MUSA BIN INOH	<i>[Signature of HJ. Musa Bin Inoh]</i>
2.	ALIAS BIN INOH	<i>[Signature of Alias Bin Inoh]</i>

- 31. SHAMSUDIN BIN HJ.HAMZAH
.....
- 32. MOHD.ADNIN BIN HJ.HAMZAH
.....
- 33. LT.MUDA MOHD HAIRUDIN BIN MAHAT
.....
- 34. NORIZAN BIN AHMAD
.....
- 35. HAMZAH BIN MOHD ISA
.....

Adi

13.	Daimud 6. Jural 0230741	49	Pribeed Lapay G. Ujir	Periduaru	-	Ces. P. U. U. id. P. U. U. U. U. U.	Atjke Sumu Ar. Jalen.	P. C. P. U. P. C. P. U.	P. C. P. U. P. C. P. U.
14.	Rajah 6. Ahmad. A 0789218	20	-	Uarah Jaktor.	Uarah Jaktor.	Uarah Jaktor.	-	-	K. U. U. U.
15.	Rohazat 6. Ibrahim 6975329	24.	-	Uarah Duta	Uarah Duta	Uarah Duta	-	-	P. C. P. U. P. C. P. U.

16.	Aloha Aminin b. H. Hangah. 7295596	23.	-	Doley G. U. U.	-	Uarah Duta	-	-	P. C. P. U. P. C. P. U.
17.	Ibrahim bin. Mohd. Rashid. S. 0275678	53	Btg. Kyan Murgai.	Batu Utang.	-	Uarah Duta	Atk. Senam Kg. Pasik.	-	Mesin Computer di. Spawa

(B)

SABDA PERISYTIHARAN PERLANTIKAN PESAKA:

1. DATO' SHAH BANDAR - ORANG BESAR UNDANG
WARIS SEDIA RAJA BUKIT
 2. DATO' MENTERI LELA PERKASA - ORANG BESAR UNDANG
WARIS LELA MAHARAJA CHENGKAU
 3. DATO' SINDA MAHARAJA - LEMBAGA SUKU SERI LEMAK
TIANG BALAI DARAT
 4. DATO' MENGGUTA - LEMBAGA SUKU SERI MELENGGANG
- =====

Bahawa pada hari ini kami Dato' Sedia Raja Haji Adnan bin Haji Ma'ah, Undang Luak Rembau mengadakan kerapatan di balai ini dengan Dato'-Dato' Lembaga di Baroh dan di Darat, Orang-orang Besar beserta Buapak-buapak (Ibu Bapa), anak-anak Waris Sedia Raja dan Lela Maharaja.

Begitu juga Buapak, Besar dan anak buah Suku Seri Lemakyang mempesakai Dato' Sinda Maharaja; serta Buapak, Besar dan anak buah Suku Seri Melenggang yang mempesakai Dato' Mengkuta.

Tujuan kami mengadakan kerapatan pada hari ini ialah untuk melantik dan mengisytiharkan penyandang pesaka bagi mengisi kekosongan dalam suku-suku yang berkenaan.

Kami juga sukacita mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri, Pegawai Daerah Rembau, Ahli-ahli Yang Berhormat, Dato'-Dato', Pegawai-Pegawai Kerajaan yang turut hadir menyaksikan istiadat perlantikan ini.

Sebelum perlantikan ini diisytiharkan saya sukacita memberi penerangan satu persatu mengenai perkara ini supaya terang dan jelas kerana perhimpunan hari ini bagi menjalankan kerja adat. Sebagaimana kata perbilangan: "Adat lalu di tengah terang, muafakat lalu di dalam gelap", "Raja adat ialah muafakat".

Bagi Luak Rembau ini kita mempunyai Perlembagaan Adat dan Istiadatnya bagi menyelesaikan perkara dan masalah tertentu yang berkenaan dengan adat.

Perlembagaan Adat Rembau adalah menetapkan Undang Berlembaga. Lembaga Berbuapak, Buapak Beranak Buah. Dalam melaksanakan atau menyelesaikan perkara-perkara yang berkenaan dengan adat, jika sesuatu pihak atau saseorang memahami dasar-dasar adat yang sebenar tidak akan timbul pertelingkahan dalam mencari geleran dan penyandang sesuatu pesaka yang kosong.

Mengikut adat, sesuatu pesaka itu boleh dilipat dan disimpan di atas dua sebab: Pertama timbul gaduh-gadah dan Kedua, tiada orang yang akan menyandang pesaka itu.

Mengikut perbilangan adat bersendikan hukum, hukum bersendikan kitabullah ialah pada syarak menyuruh berbuat baik dan menegah berbuat kejahatan. Pada adat mencari atau menimbulkan yang baik, menghilangkan yang buruk. Tidak ada kebajikan dan manfaatnya jika sekiranya perlantikan penyandang sesuatu pesaka itu akan menimbulkan pertelingkahan dan memecahbelahkan anak buah dalam sesuatu suku serta merenggangkan hubungan silaturrahim.

Maka dengan sebab inilah kami telah memberi peluang dengan secukup-cukupnya bagi suku-suku yang berkenaan untuk menentukan geleran perut yang akan menyandang pesaka yang berkenaan.

Setelah geleran ini ditentukan maka anak-anak buah bagi perut yang menerima geleran dikehendaki menghantar permohonan masing-masing bagi menuntut pesaka yang kosong itu.

Penentuan geleran tiap-tiap pesaka yang kosong itu adalah dibuat mengikut aturan adat, tidak dibuat dengan cara sewenang-wenang atau sesuka hati sahaja. Mengikut kata adat "Mengaji daripada alif, berbilang daripada esa - Hujan berpokok kata berpangkal - Bertangga naik berjinjang turun - Hukum bersaksi adat bertanda, sakit bermula mati bersebab - serta adat yang berturas tauladan".

Bagi menyelesaikan yang kusut dan menjernihkan yang keruh, mencari kebulatan yang boleh digolekkan, maka suku-suku yang berkenaan telah diberi masa yang lebih dari sepatutnya. Jika masih ada perasaan tak puashati dan kilanan sesaorang atau sesuatu pihak yang seperti kata adat "Kelaut tak menuju arus, kedarat tidak menuju benar, kena di perut dikempiskan, kena kemata dipicingkan" maka yang menerima akibatnya ialah anak-anak buah dalam suku itu sendiri, yang menerima akibat khasnya dalam menyelesaikan masalah tanah pesaka dan kerja-kerja adat yang lain. Seterusnya akan melibatkan juga dalam melaksanakan usaha-usaha pembangunan serta memporak perandakan perpaduan masyarakat.

Oleh itu mengikut adat jika sekiranya usaha yang dijalankan oleh Buapak dan Besar bagi mencari kebulatan tidak didapati, maka hendaklah disampaikan kepada tali pesaka. Maka tali pesaka pula yang akan menengokkan adatnya dan mencari kebulatan di antara mereka. Maka keputusan itu disembahkan kepada Undang. Setelah dikaji dengan teliti bersama dengan Orang-orang Besar maka baharulah keputusan dibuat.

Di sini sukalah kami menjelaskan dengan perasaan rendah hati bahawa perlantikan ini dibuat bukanlah untuk memenuhi hajat dan keinginan sesaorang tetapi untuk memberikan tanggungjawab yang boleh memberi kepada anak-anak buah dalam suku masing-masing di Luak Rembau ini amnya. Bukan untuk menanti bagi penyandanganya sahaja.

Seterusnya kami akan menjelaskan satu persatu mengenai latar belakang jawatan pesaka yang akan dipilih dan dilantik pada hari ini:-

1. MELANTIK PESAKA DATO' SHAHBANDAR
WARIS GEDANG (ORANG BESAR UNDANG)

Kepada Waris Yang Dua Carak Sedia Raja dan Lela Maharaja, sebelum kami melantik penyandang pesaka Dato' Shahbandar yang kosong ini kami menyatakan bahawa kekosongan pesaka ini adalah di atas kembalinya kerahmatullahi-ta'ala Allah Yarham Haji Shafie bin Yeop, dari Lela Maharaja Perut Kota pada 5hb.Ogos,1983.

Pada 5hb.November,1983 Buapak Delapan Kampong, Waris Nan Dua Carak, Sedia Raja dan Lela Maharaja telah berkerapatan di Pejabat Balai Undang Luak Rembau mencari geleran pesaka Dato' Shah Bandar.

Alhamdulillah, dengan izin Allah, Buapak Nan Delapan Kampong telah semuafakat dan berkebulatan menentukan geleran pesaka Dato' Shah Bandar pada kali ini jatuh kepada Sedia Raja, Perut Bukit. Bak kata pepatah adat: "Kok Bulat sudah boleh digolekkan, kok pipeh dan boleh dilayangkan." Di kejujuran dan keikhlasan Buapak-Buapak sekalian kami ucapkan terimakasih.

Kebulatan ini telah disampaikan oleh Buapak Delapan Kampong kepada Dato' Perba, Lembaga Waris Sedia Raja dan Lela Maharaja.

Pada 4hb.Februari,1984 Dato' Perba telah menyebarkan kebulatan yang tersebut.

Oleh kerana adanya perkara yang kusut hendak diselesaikan dan yang keruh hendak dijernihkan dan memastikan segala sesuatu berjalan dengan licin, maka pada 11 hb.Jun,1987 kami telah menjemput Dato' Perba, Dato Raja Di-Raja, Dato' Mangku Bumi dan Buapak Delapan Kampong bagi membincangkan perlantikan pesaka Shahbandar ini. Anak-anak waris yang berhak telah dijemput mengemukakan permohonan.

Pada 26hb. September, 1987 telah diadakan temuduga. Seramai 16 orang Anak-anak Waris dari Perut Bukit telah hadir. Masing-masing telah memberi pengakuan dengan menurunkan tandatangan. Bahawa mereka tidak akan terkilan jika salah seorang di antara mereka dilantik menyandang pesaka Dato' Shah Bandar ini.

Di atas keikhlasan anak-anak waris sekalian kami ucapkan terimakasih.

2. DATO' MENTERI LELA PERKASA,
ORANG BESAR UNDANG

Dato' Ment eri Lela Perkasa ialah Orang Besar Undang. Pesaka ini tertentu kepada Lela Maharaja Perut Chengkau yang bertempat di Chengkau sahaja.

Pesaka ini telah kosong di atas kembalinya kerahmatullah Haji Talib bin Haji Abdullah pada 22hb, November, 1986 setelah menyandang pesaka selama 44 tahun.

Pesaka Dato' Menteri ini ada tiga ruang iaitu RUANG TENGAH - RUANG DARAT - RUANG BAROH.

Pada 26hb. April, 1987 satu perkampungan di antara Buapak, Besar dan anak-anak buah waris telah diadakan di Makam Tok Emba bagi mencari geleran Penyandang Pesaka Dato' Menteri Lela Perkasa yang kosong.

Semua yang hadir berkebulatan dengan sebulat suara geleran kali ini jatuh ke RUANG TENGAH.

Pada 22hb. Jun, 1987 Paduka selaku Buapak Lela Maharaja Perut Chengkau telah menyampaikan kebulatan itu kepada Dato' Perba Lembaga Waris. Dato' Perba telah menyembahkan kepada kami beserta dengan nama-nama anak waris yang berhak seramai 35 orang.

Pada 26hb. September, 1987 hari Sabtu bertempat di Balai Undang, telah diadakan temuduga dengan disaksikan oleh

Dato' Perba, Orang-orang Besar Undang, Dato' Merbangsa mewakili Lembaga Tiang Balai Di-Baroh, Dato' Andika mewakili Lembaga Tiang Balai Di Darat, Dato' Raja Senara mewakili Lima Suku Di Baroh dan Dato' Sutan Bendahara mewakili Lima Nan Sembilan Di Darat.

Seramai 17 orang telah menghadiri temuduga ini dan masing-masing telah memberi pengakuan dengan tulus ikhlas menurunkan tandatangan bahawa mereka tidak akan terkilan jika salah seorang di antara mereka dilantik menyandang pesaka ini.

3. **DATO' SINDA MAHARAJA,
LEMBAGA SUKU SERI LEMAK,
TIANG BALAI DARAT**

Pesaka Dato' Sinda Maharaja telah kosong dengan kembalinya kerahmatullah Allah Yarham Haji Mahmud bin Husin pada 25hb. Februari, 1984.

Geleran pesaka Sinda Maharaja ada empat:

1. Perut Masjid
2. Perut Baroh
3. Perut Tengah
4. Perut Tanjong.

Pada 8hb. April, 1984 dan 24hb. April, 1984 dalam kerapatan yang diadakan di antara Besar dan Anak Buah Suku Seri Lemak Perut Masjid, Perut Tengah I, Perut Tengah II dan Perut Tanjong, disaksikan oleh Tali Pesaka, telah berkebulatan mengambil kata sepakat, mengikut aturannya geleran ke-13 Pesaka Sinda Maharaja balek ke Perut Masjid.

Kebulatan ini telah disembahkan kepada kami melalui Tali Pesaka pada 26hb. April, 1987. Dalam kerapatan itu juga telah dicapai kebulatan bahawa Bongek adalah Ruang dalam Perut Masjid, yang sama-sama berhak mengemukakan calun bagi menyandang Sinda Maharaja.

Seramai 15 orang calon telah dikemukakan melalui Tali Pesaka.

Pada 26hb. September, 1987 telah diadakan temuduga di Balai ini, seramai dua belas orang (12) telah menghadirkan diri. Masing-masing telah berikrar dengan menurunkan tandatangan. Bahawa jika sekiranya salah seorang di antara mereka yang dua belas orang ini dilantik, mereka tidak akan terkilan.

Di sini sukacita kami memberi penjelasan lagi, mengikut adat di Luak Rembau ini yang diuca dan dipakai serta berturas tauladan, bahawa geleran pesaka Undang, Shahbandar dan Lembaga adalah mengikut perut, bukannya mengikut ruang.

Menakala sampai geleran pesaka itu kepada sesuatu Perut maka soal ruang tidak boleh dipertikaikan. Menakala dilantik seseorang bererti keseluruhan perut itu telah menerima geleran.

4. DATO' MENGGUTA LEMBAGA SUKU SERI MELENGGANG

Pemilihan ini telah dicapai dengan kebulatan kapdaa kepada ABD.LATIF BIN SAFAR.

Pada akhirnya kami menyampaikan harapan kepada tiap-tiap seorang yang ditakdirkan oleh Tuhan Rabbul-'alamin terpilih menyandang pesaka ini akan memerintah Anak Buah masing-masing dengan adil dan bertimbangrasa. Hendaklah berusaha dengan sedaya upaya untuk menyelesaikan yang kusut dan menjernihkan yang keruh supaya anak buah dalam suku masing-masing hidup aman damai, tolong menolong dan hormat menghormati di antara satu dengan lain.

Bagi tiap-tiap seorang calun yang tidak terpilih itu adalah kehendak takdir juga. Oleh itu hendaklah diterima dengan tenang dan sabar. Berilah kerjasama dan sokongan kepada Dato'-Dato' Lembaga yang baharu untuk kebajikan Anak Buah dalam suku masing-masing.

Di sini sukacita kami menegaskan dalam keadaan zaman kemajuan serba berubah ini tugas-tugas Dato'-Dato' Lembaga tidak hanya terikat dalam hal mengenai adat sahaja, bahkan adalah merangkumi seluruh bidang kehidupan yang mendatangkan kebajikan kepada Anak-anak Buah seperti di bidang ugama, pelajaran, usaha peninggian taraf kehidupan dianggap sebagai tugas kewajipan juga. Oleh itu hendaklah bekerjasama dengan pemimpin-pemimpin yang lain di samping meningkatkan mutu kepimpinan. Berilah sokongan kepada usaha kerajaan dengan sepenuhnya supaya kejayaan yang diharapkan akan tercapai.

Hanya sekian. Dengan Nama Allah Yang Amat Pemurah Lagi Amat Mengasihani, kami dengan rasa tulus ikhlas dan sukacita mengisytiharkan perlantikan penyandang pesaka Orang Besar Undang dan Lembaga suku-suku yang berkenaan adalah seperti berikut :-

- (1) Dato' Shahbandar
- (2) Dato' Menteri Lela Perkasa
- (3) Dato' Sinda Maharaja
- (4) Dato' Mengkuta ABD.LATIF BIN SAFFAR (Dengan Kebulatan)

(DATO' SEDIA RAJA HAJI ADNAN BIN HAJI MA'AH)
Undang Luak Rembau.

Termaktub di Pejabat Balai Y.T.M. Undang Luak Rembau,
Rembau, Negeri Sembilan.

Pada 3 haribulan Oktober, 1987.